

SOALAN LATIHAN

SEJARAH TINGKATAN 3

BAHAGIAN A

1. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan beraja

Sistem beraja yang diwarisi
daripada Kesultanan Melayu Melaka
telah membawa kestabilan

Raja atau Sultan di negeri-negeri Melayu menjadi lambang _____

A. Kedaulatan

C. Kekayaan

B. Keutuhan

D. Kekuatan

2. Pernyataan berikut berkaitan dengan sistem sukatan masyarakat Melayu

- Kepul
- Leng
- Kal

Satu Kal bersamaan dengan _____

A. Satu leng

C. Tiga cupak

B. Dua leng

D. Lima Cupak

3. Apakah keistimewaan mata wang emas Kelantan berbanding dengan mata wang negeri-negeri Melayu yang lain?

- | | |
|-------------------------|---------------------------|
| A. Terukir tulisan jawi | C. Tertulis kalimah Allah |
| B. Tertera nama sultan | D. Terdapat gambar kijang |

4. Peta berikut menunjukkan laluan Terusan Suez.



Apakah kesan yang dibawa oleh pembukaan Terusan Suez terhadap negara kita?

- | | |
|-----------------------------------|---------------------------------------|
| A. Mutu hasil dagangan meningkat | C. Perusahaan maritim diperkenalkan |
| B. Kedatangan orang Barat merosot | D. Urusan perdagangan bertambah cepat |

5. Mengapakah Belanda berperang dengan penduduk tempatan di Pulau Pangkor dan Kuala Perak?

- | | |
|---------------------------|-----------------------------|
| A. Menguasai Selat Melaka | C. Perebutan perairan Perak |
| B. Memonopoli bijih timah | D. Perselisihan perdagangan |

6. Maklumat berikut berkaitan dengan barangan dari China.

- Teh
- Sutera

Apakah langkah British untuk mendapatkan barangan tersebut?

- A. Membuat pertukaran dengan barangan Alam Melayu
- B. Membeli dengan harga yang tinggi
- C. Meminta bantuan pedagang Melayu
- D. Memaksa peniaga China menjual barangan tersebut

7. Selepas kemangkatan Sultan Mahmud Shah III pada tahun 1812 di Lingga, Tengku Abdul Rahman, iaitu putera bongsu telah dilantik menggantikan ayahanda baginda. Mengapakah Tengku Hussein tidak dilantik sebagai pengganti?

- | | |
|-------------------------|--|
| A. Berada di Pahang | C. Bertelingkah dengan ayahandanya |
| B. Bukan putera mahkota | D. Berkahwin dengan bukan kerabat diraja |

8. Mengapakah Bangkahulu perlu diserahkan kepada Belanda berdasarkan Perjanjian London 1824?

- A. Terletak di wilayah pengaruh Belanda
- B. Perdagangan semakin merosot
- C. Pertukaran dengan Singapura
- D. Arahan daripada kerajaan British di London

9. Mengapakah British menggabungkan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka menjadi Negeri - Negeri Selat pada tahun 1826?

- I Menyeragamkan pentadbiran
- II Menjimatkan perbelanjaan
- III Memonopoli perdagangan
- IV Menghalang kuasa asing lain

- | | |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

10. Maklumat berikut berkaitan dengan perlombongan emas di Pahang.

Galian emas menarik minat kehadiran orang Cina dari Kelantan, Perak dan Negeri Sembilan.

Apakah kaedah yang digunakan untuk melombong galian tersebut?

- | | |
|------------------|----------------|
| A. Lombong dedah | C. Kapal Korek |
| B. Melampan | D. Pam Kerikel |

11. Apakah strategi British untuk campur tangan dalam Perang Larut di Perak?

- | | |
|---------------|---------------|
| A. Manipulasi | C. Paksaan |
| B. Desakan | D. Tipu Helah |

12. Residen British berhak menasihati Raja - Raja Melayu dalam semua hal ehwal pentadbiran kecuali

- | | |
|----------------------------------|---------------------------------|
| A. Agama Islam dan adat istiadat | C. Perlantikan pegawai kerajaan |
| B. Pungutan cukai ke atas rakyat | D. Urusan kewangan negeri |

13. Mengapakah Durbar ditubuhkan oleh pihak British?

- A. Memudahkan eksploitasi ekonomi
- B. Mempertahankan kewibawaan Raja - Raja Melayu
- C. Mengukuhkan hubungan raja dan pegawai British
- D. Membantu penduduk miskin

14. Maklumat berikut berkaitan dengan pemerintahan negeri Melayu Utara.

Semasa pemerintahan Long Yunus kerajaan ini berjaya disatukan.

Apakah nama kerajaan tersebut?

- A. Perlis
- B. Kedah
- C. Kelantan
- D. Terengganu

15. Mengapakah British ingin meluaskan kuasanya ke Negeri - Negeri Melayu Utara?

- A. Menguasai perdagangan bijih timah
- B. Mempertahankan Raja - Raja Melayu
- C. Menjadi penampan daripada kuasa Barat lain
- D. Menghalang kemaraan kuasa Siam

16. Maklumat berikut berkaitan dengan kemajuan dan kemakmuran Johor.

Pemodenan Johor dalam pelbagai bidang telah membawa kemajuan yang menyeluruh

Apakah faktor kemajuan tersebut?

- A. Kerjasama Singapura
- B. Hubungan dengan British
- C. Bantuan Kewangan British
- D. Kebijaksanaan pemerintah

17. Kedudukan pembesar Negeri – Negeri Melayu Tidak Bersekutu dikekalkan tetapi bidang tugasnya telah berubah. Apakah tugas yang berubah tersebut?

- | | |
|---------------------------------|------------------------------------|
| A. Tidak perlu taat kepada raja | C. Tiada hak dalam keagamaan |
| B. Tidak boleh mengutip cukai | D. Tiada hak ke atas adat istiadat |

18. Masyarakat yang mengamalkan Sistem Kesukuan di Sarawak menekankan kepatuhan kepada _____

- | | |
|--------------------|----------------|
| A. Adat masyarakat | C. Kepercayaan |
| B. Agama | D. Pemimpin |

19. Maklumat berikut berkaitan dengan Orang Tua yang menjadi ketua masyarakat di Sabah.

Orang Tua menjadi Ketua
Kampung dalam Sistem Kesukuan
di Sabah.

Apakah peranan Orang Tua tersebut?

- | | |
|--|-------------------------------|
| A. Membantu taraf ekonomi | C. Menyediakan kemudahan awam |
| B. Menyelesaikan pertikaian masyarakat | D. Memberi pendidikan asas |

20. Kawasan pantai barat Sabah dikuasai Kesultanan Brunei, manakala kawasan pantai timur Sabah dikuasai pula oleh Kesultanan

- | | |
|-------------|-----------|
| A. Mindanao | C. Patani |
| B. Brunei | D. Sulu |